



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 2/2001

**PENGUNAAN LAMAN WEB MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
DAN PERMOHONAN GERAN LATIHAN DI BAWAH SKIM SBL MELALUI
INTERNET**

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) mengenai kemudahan Laman Web MPSM dan Permohonan Geran Latihan Di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL) melalui Internet. Kemudahan yang disediakan ini adalah untuk memudahkan majikan mendapat maklumat berkaitan pelaksanaan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) dan membuat permohonan geran latihan di bawah SBL secara "on-line".

2. Laman Web MPSM

- 2.1. Laman Web MPSM telah dibangunkan dan boleh dilawati oleh majikan di alamat www.hrdnet.gov.my.
- 2.2. Maklumat yang terdapat di laman web ini adalah merangkumi maklumat berkaitan dengan Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992, Skim-skim latihan yang dilaksanakan oleh MPSM, program-program latihan yang diluluskan di bawah Skim PROLUS, PERLA dan SBL-PKS. Borang-borang permohonan yang digunakan untuk memohon geran latihan bagi skim-skim latihan yang dilaksanakan boleh juga diperolehi dari laman web ini.
- 2.3. Di laman web MPSM ini, majikan boleh mendapat maklumat baki levi semasa, status permohonan geran latihan dan juga status tuntutan geran latihan. Dengan itu majikan yang mempunyai kemudahan internet boleh mendapatkan maklumat tersebut dari laman web MPSM.
- 2.4. Majikan yang ingin mendapatkan maklumat baki levi, katalaluan diperlukan di samping no. kod majikan. Untuk makluman katalaluan telah diberikan oleh MPSM kepada semua majikan semasa MPSM melaksanakan perkhidmatan "MPSM Infoline" pada tahun 1998. Katalaluan yang digunakan bagi perkhidmatan laman web ini adalah sama dengan katalaluan untuk "MPSM Infoline". Walau bagaimanapun, majikan boleh mendapatkan semula katalaluan berkenaan dengan menghubungi MPSM dan No. Kod Majikan diperlukan untuk mendapat katalaluan ini. Majikan juga boleh membuat permohonan pertukaran katalaluan dengan memberikan alasan dan No. Kod Majikan.
- 2.5. Adalah diharapkan majikan akan menggunakan sepenuhnya laman web MPSM ini untuk mendapat maklumat terkini berkaitan pelaksanaan KWPSM.

3. Permohonan Geran Latihan Di Bawah Skim BANTUAN LATIHAN (SBL) Melalui Internet

- 3.1. Di dalam laman web MPSM telah disediakan kemudahan bagi majikan mengemukakan permohonan geran latihan di bawah Skim Bantuan Latihan (SBL) secara "on-line". Penyediaan kemudahan permohonan SBL melalui internet adalah bertujuan untuk mempercepatkan dan memudahkan urusan permohonan geran latihan khususnya di bawah SBL. Permohonan yang dikemukakan secara "on-line" akan memudahkan majikan mengetahui status permohonan mereka dalam masa yang singkat. Secara umumnya majikan yang menggunakan perkhidmatan ini akan memperoleh faedah-faedah seperti berikut:-
- a) Permohonan geran latihan di bawah Skim SBL akan lebih mudah dan cepat;
 - b) Pemprosesan dan pertimbangan permohonan geran latihan akan lebih cepat;
 - c) Mendorong majikan mempergiatkan lagi aktiviti melatih semula pekerja;
 - d) Menyokong hasrat Kerajaan mewujudkan "Paperless Government";
 - e) Mewujudkan pekerja berpengetahuan bagi pertumbuhan ekonomi.
- 3.2. Majikan yang mempunyai kemudahan internet adalah digalakkan mengemukakan permohonan mereka secara "on-line" kerana ianya lebih mudah dan cepat. Sekiranya majikan telah mengemukakan permohonan secara "on-line", mereka tidak perlu lagi mengemukakan permohonan secara manual untuk mengelakkan dari berlakunya pemprosesan dua kali bagi sesuatu permohonan.
- 3.3. Majikan yang tiada kemudahan internet, mereka masih boleh mengemukakan permohonan geran latihan seperti yang diamalkan sekarang iaitu dengan mengemukakan permohonan secara manual.
- 3.4. Adalah diingatkan bahawa semua prosedur yang digunapakai sekarang masih digunakan walaupun majikan mengemukakan permohonan geran latihan melalui internet. Dokumen sokongan bagi menyokong sesuatu permohonan perlu disertakan bersama dengan borang permohonan dan permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya satu hari sebelum latihan bermula. Sebagai contoh jika latihan dijalankan pada 16 Mac 2001, permohonan hendaklah diterima oleh MPSM selewat-lewatnya pada jam 11.59 malam, 15 Mac 2001.

- 3.5. Untuk mengelakkan sebarang kesulitan semasa mengisi borang permohonan, majikan hendaklah terlebih dahulu telah menyediakan perkara-perkara berikut:-

a.No. Kod Majikan
No. Kod Majikan telah diberi pada masa majikan berdaftar dengan MPSM.

b. Katalaluan
Katalaluan adalah nombor kawalan yang diditetapkan dan diselenggarakan oleh MPSM yang telah diberikan kepada majikan sebelum ini. Katalaluan ini hendaklah dijaga dengan sempurna oleh majikan dan tidak diberikan kepada individu lain yang tidak berkaitan dengan majikan atau pegawai/kakitangan yang tidak berkaitan dengan urusan KWPSM.

c. Kemudahan Internet

Setiap majikan perlu menyediakan kemudahan asas internet seperti berikut :-

i) Komputer peribadi (PC) dan Modem untuk kaedah "dial-up" modem **ATAU** komputer rangkaian setempat (LAN) untuk kaedah "lease-line"; dan

2)Melanggan dengan mana-mana penyedia perkhidmatan internet seperti JARING (MIMOS), TM-NET (TELEKOM) dan lain-lain lagi.

d. Dokumen Sokongan

Semua dokumen sokongan yang berkaitan dalam urusan permohonan geran latihan SBL seperti kandungan & jadual kursus/program latihan, sebutharga hotel, biodata pengajar dan lain-lain dokumen yang berkaitan perlu disediakan terlebih dahulu dalam bentuk "soft-copy" untuk dihantar bersama (attachment) dengan borang permohonan.

- 3.6. Untuk panduan selanjutnya, majikan boleh merujuk Buku Panduan Pengguna yang disertakan bersama ini atau boleh diperolehi dari laman web MPSM.

4. Perkara-perkara Yang berkaitan Dengan Permohonan

a) Majikan yang membuat permohonan geran latihan di bawah Skim SBL melalui Internet akan mendapat pengesahan penerimaan borang permohonan (acknowledgment) secara automatik yang dihantar terus ke e-mail pemohon. Begitu juga semua permohonan diluluskan, dikuiiri atau ditolak akan juga dimaklumkan secara terus dan automaik ke e-mail pemohon.

b) Majikan dikehendaki melengkapkan borang permohonan bagi setiap kursus/program latihan dalam masa 60 minit.

c) Mana-mana permohonan yang dikuiiri, majikan hanya perlu kemaskini (edit) sahaja permohonan tersebut tanpa perlu mengisi semula borang permohonan sebagaimana permohonan baru.

d) Majikan adalah dikehendaki untuk hanya menghantar dokumen sokongan (attachment) yang bebas dari sebarang jangkitan virus. Kegagalan mematuhi peraturan ini akan menyebabkan permohonan tersebut ditolak.

e) Majikan boleh membuat cetakan sendiri borang permohonan dan kelulusan permohonan geran latihan untuk simpanan dan rujukan.

5. Peringatan

Majikan adalah diingatkan kepada Seksyen 7 Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 yang memperuntukan, sekiranya majikan memperolehi geran latihan dengan mengemukakan kenyataan palsu atau tidak benar, majikan akan didakwa di bawah Seksyen berkenaan dan MPSM boleh menarik balik geran latihan yang telah diberikan dengan serta merta dan menuntut semula sebarang amaun yang telah dibayar kepada majikan.

6. Kuatkuasa

Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1hb. March 2001

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LATIHAN BERTERUSAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah

(RUSNAN BIN SAMAD)

Pengarah Geran Latihan
b.p. Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia